

Tamadun Melayu sudah bermula puluhan ribu tahun lalu, berdasarkan hasil kajian sejarah, arkeologi, linguistik dan bidang ilmu yang lain, di kawasan yang dikenali sebagai Pentas Sunda, iaitu tanah asal yang kemudian melalui proses alamiah menjadi Kepulauan Melayu.

SILAT DAN ETOS BANGSA

Tamadun Melayu melalui takah perkembangan yang dapat dibahagikan secara umum kepada empat gelombang. Gelombang pertama ialah tahap Melayu awal, gelombang kedua tahap Melayu tua, gelombang ketiga tahap Melayu klasik dan tahap keempat tahap Melayu baharu. Salah satu cabang yang menjadi mercu tanda tamadun Melayu ialah seni budaya yang dapat dibahagikan pula kepada seni budaya

ketara dan seni budaya tidak ketara.

Seni silat merupakan satu daripada unsur seni budaya Melayu yang menayangkan tamadun Melayu daripada segi falsafah, pemikiran, adab, kesantunan dan kaedah bela diri. Kemasyhurannya telah meningkat ke tahap dunia apabila seni silat diterima sebagai satu daripada seni bela diri dan acara sukan antarabangsa.

Dari sudut sejarah, dipercayai bahawa silat telah wujud sejak ribuan tahun lalu kerana dalam tradisi kerajaan Melayu, wujudnya istilah “pahlawan”, “panglima” dan “hulubalang” menunjukkan wujudnya golongan yang menjadi benteng pertahanan kerajaan Melayu. Golongan itu pasti mempunyai kemahiran bela diri dalam melaksanakan amanah sebagai benteng pertahanan negeri



lat dipercayai merupakan aliran yang berkaitan. Percayai bahawa pada zaman Melayu awal seperti Kedah, Langkasuka dan Langkaya, silat telah mula wujud dan berkembang dari zaman ke zaman, masuk penerimaan pengaruh bela diri asing seperti China, Parsi dan Arab.

BUDAYA DAN SILAT DALAM SASI ETOS ISLAMIK BANGSA Melayu

alaysia, terdapat pelbagai pertubuhan seni silat yang kebanyakannya berasal dari Nusantara. Satu badan induk tadbir bagi semua perguruan di Malaysia dinamakan sebagai Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), yang bernaung di bawah Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT). Tujuan utama PERSILAT bukanlah untuk membina, mengembangkan, mempersatukan, menyelaraskan, menyelaraskan, menyelaraskan berbagai-bagai organisasi pencak silat sebagai negara. Hingga kini terdapat 23 buah negara bernaung di bawah PERSILAT. Aktiviti utama PERSILAT dilihat pada hari ini lebih kepada penganjuran pertandingan silat yang lebih dilihat cenderung kepada penganjuran sukan tempur, iaitu silat olahraga.

Peneliti silat Donald F. Draeger berpendapat bahawa bukti adanya silat bela diri dapat dilihat daripada berbagai-bagai artifak senjata yang ditemui dari masa klasik (Hindu-dha) serta pada pahatan gambar silat yang berisikan sikap-sikap kuda silat di candi Prambanan dan Borobudur. Dalam bukunya, Draeger menuliskan bahawa senjata dan seni bela diri silat tidak dipisahkan, bukan hanya dalam bentuk tubuh sahaja, juga hubungan

spiritual yang terkait erat dengan kebudayaan Melayu.

Sementara itu Sheikh Shamsuddin berpendapat bahawa terdapat pengaruh ilmu bela diri dari China dan India dalam silat. Hal ini dikatakan demikian kerana sejak awal kebudayaan Melayu telah mendapat pengaruh daripada kebudayaan yang dibawa oleh pedagang mahupun perantau dari India, China, dan mancanegara lain.

Pada zaman awal sebelum Islam, silat dipercayai mempunyai kaitan yang rapat dengan etos Melayu pra-Islam. Unsur mistik yang dikaitkan dengan silat dalam amalan sesetengah perguruan silat agak jelas sejak beberapa dekad lalu sehingga ada tindakan pihak berkuasa mengharamkan kumpulan silat yang tertentu.

Sesudah Islam menjadi agama utama yang berkembang di alam Melayu, silat turut mengalami evolusi dengan pematuan kegiatannya pada syarak. Oleh sebab itu, makalah ini lebih banyak tertumpu pada isu syarak sebagai landasan seni budaya, termasuk silat. Islam agama yang syumul, iaitu meliputi seluruh kehidupan manusia. Islam agama untuk sekalian alam.

Tidak ada bidang yang tidak tercakup dalam Islam sebagai addin kerana Islam bukan agama tentang perihal ukhrawi atau alam akhirat semata-mata. Islam tidak seperti agama lain yang difahami sebagai juzuk terpisah daripada kehidupan duniawi, sebagaimana yang difahami oleh pendukung sekularisme dalam tamadun Barat. Bagi mereka, agama hanya berkaitan dengan perihal ketuhanan dan ritual sementara ehwal duniawi tidak tercakup dalam agama. Berlaku pemisahan

atau dikotomi antara agama dengan kehidupan duniawi.

Sebagai satu daripada aspek kehidupan manusia, seni budaya tidak terkecuali, dan agama Islam menyingkap aspek itu dengan lunas tertentu, khasnya yang berdasarkan nas, iaitu al-Quran dan hadis. Maka itu, sikap dan pendapat yang keras terhadap bidang seni budaya dalam kalangan sesetengah pihak tidak sesuai dengan kelenturan dan kesyumulan Islam. Lunas terpenting tentulah soal akidah.

Tidak ada apa-apa kegiatan manusia yang beragama Islam yang boleh bertentangan dengan akidah, khasnya soal keesaan Allah, kekuasaannya, ketetapan dan kemutlakannya. Oleh sebab itu, seni budaya mestilah menjadi wasilah untuk membesarkan Allah, mengisbatkan keperkasaan, kekuasaan dan kasih sayang Allah, bukan untuk mempersoalkan Tuhan sebagai kuasa tertinggi, baik melalui karya persuratan dan kegiatan seni budaya, termasuk silat.

Dalam kes silat, adanya perasaan dan kepercayaan bahawa silat menjadi pendinding keselamatan mutlak tentu tidak selaras dengan akidah Islam yang meletakkan pergantungan hanya kepada Allah yang esa. Begitu juga jika kehebatan kemahiran silat menimbulkan rasa ujub, riak dan takabbur, hal itu tentu bersalahan dengan sifat manusia sebagai makhluk ciptaan Allah yang sepatutnya tawaduk dan tidak membesarkan diri.

Namun begitu, silat sebagai satu daripada kaedah atau ikhtiar mempertahankan diri tentu tidak terlarang. Demikian juga daripada sudut *maqasid syar'iyah*, silat dapat dijadikan asas untuk memelihara *maqasid al-daruriyat* yang asasi, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.



Acara silat dipertandingkan di Sukan Asia.

Selain itu, seni budaya mestilah juga turut menjadi wasilah bagi penjelasan syariat, iaitu tatacara kehidupan yang berkaitan dengan ibadat khusus dan ibadat umum. Penerangan tentang *Rukun Islam* yang lima, sebagai contohnya, dapat dibantu penghayatannya melalui lagu, sebagaimana yang ditampilkan oleh seniman P. Ramlee dalam lagu "Rukun Islam", selain melalui nasyid yang memang berfokus kepada ehwal keagamaan.

Ibadah infak yang penting untuk kemaslahatan sosioekonomi umat Islam dapat diuar-uarkan kebaikan dan fadilatnya melalui seni budaya, baik puisi, lagu dan yang lain. Keburukan perbuatan fasad seperti adu domba, umpat keji dan fitnah pun dapat disalurkan melalui seni budaya, seperti melalui drama dan filem. Sebagai contohnya, kita menyaksikan iklan Hari Raya terbitan PETRONAS yang memaparkan sketsa tentang pentingnya anak menghormati dan menjaga kebajikan orang tuanya. Iklan berbentuk sketsa atau drama singkat itu ternyata memberikan

kesan yang jauh lebih baik daripada ceramah tentang kewajiban berbakti kepada orang tua.

Dalam kes silat, mahaguru, guru dan jurulatih silat mesti mengambil tanggungjawab menjelaskan bagaimana silat yang dipelajari dan dikuasai dapat meningkatkan cara gaya hidup yang *syari*, khususnya dalam ibadat umum. Dalam kaitannya dengan ibadat khusus, seseorang pesilat mesti memelihara amalan fardu seperti solat, puasa, zakat dan haji dengan betul supaya tidak menimbulkan keraguan kepada masyarakat, apatah lagi murid silat yang diajar.

Perbuatan mempermudah-mudahkan ibadat khusus tidak wajar wujud dalam kalangan pesilat supaya mereka dapat menjadi contoh baik kepada masyarakat, khususnya golongan muda dalam soal disiplin menjaga amal ibadat. Sifat warak pesilat menjadi nilai tambah yang dapat mengangkat nilai seni silat di mata masyarakat, seperti menjauhi perbuatan yang tidak digalakkan oleh agama, termasuk banyak berbual kosong, banyak

bergurau senda dan melakukan sesuatu yang hatta makruh hukumnya. Inilah nilai yang patut dititikberatkan kepada murid silat, bermula dengan suri teladan mahaguru, guru dan jurulatihnya.

Dalam bidang muamalah pula, pesilat perlu juga menunjukkan keperibadian yang cocok dengan syariat. Sifat mematuhi janji, adil, bertolak ansur, sedia bekerjasama dan saling membantu perlu diamalkan dengan sebaik mungkin. Unsur penipuan, tidak amanah, tidak berintegriti, mementingkan diri dan laba peribadi perlu dielakkan. Dengan demikian orang yang terlibat dalam dunia persilatan dapat melaksanakan kerja dakwah "*bil hal*" (dakwah melalui perbuatan). Kemahiran fizikal dalam persilatan perlu diimbangi dengan keperibadian unggul dalam masyarakat.

Sifat lain yang mewakili etos Melayu dalam dunia persilatan ialah disiplin yang tinggi, baik dalam aspek fizikal mahupun aspek kerohanian. Persilatan mesti dapat menyerapkan nilai menjaga dan menghormati waktu, kebersihan, kesihatan tubuh badan dan amalan hidup yang sihat, termasuk aspek pemakanan.

Daripada aspek kerohanian, telah dihuraikan di atas pentingnya pematuhan kepada *Arkanul Iman* dan *Arkanul Islam* secara istiqamah, dan di samping itu bermujahadah untuk membersihkan jiwa (*tazkiah al-nafsu*) daripada sifat mazmumah. Pada hemat saya sosok pesilat mesti dipertalikan dengan aspek ihsan, iaitu aspek ketiga yang melengkapkan cara hidup Muslim dan mukmin (iman, islam dan ihsan).

Selanjutnya, intensiti syiar Islam dalam seni budaya berkaitan rapat dengan soal niat kerana niat menjadi

asas penting dalam peribadatan Islam, sebagaimana mafhum hadis pertama dalam Hadis 40, "Setiap amal bermula dengan niat" untuk menyempurnakan rukun sesuatu ibadat dan juga untuk memastikan sah tidaknya sesuatu ibadat itu untuk diganjar pahala oleh Allah.

Maka itu, niat dalam melaksanakan kegiatan seni budaya perlu berasaskan niat yang jelas dan menurut syarak. Niat asas berbuat sesuatu dalam bidang apa-apa pun pastilah merujuk kepada sebab musabab manusia dijadikan oleh Allah, iaitu untuk beribadat atau mengabdikan diri kepada Allah. "Tidak Kujadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku", mafhum ayat 56, *surah al-Zariyat*. Itulah makna yang terkandung dalam doa iftitah dalam solat, iaitu "Solatku, ibadahku dan hidup matiku hanya kerana Allah".

Oleh hal yang demikian, intensiti syiar Islam dalam seni budaya Melayu perlu dilandaskan pada niat yang betul, bukan sekadar untuk berseni. Erti

beribadat dalam konteks tujuan manusia diciptakan oleh Allah luas, bukan hanya berkaitan dengan ibadat khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji. Beribadat dalam Islam amat luas, yang terangkum dalam istilah "ibadat umum" sehingga membersihkan jalan tempat laluan orang dengan membuang ranting atau duri pun dikira ibadat. Maka dalam kegiatan seni budaya, apabila konsep ibadat kepada Allah itu diterapkan, tidak timbul masalah seni budaya bertentangan dengan agama.

Perbincangan di atas itu berkaitan pula dengan peranan seni budaya, termasuk persilatan, dalam kehidupan manusia. Seni budaya merupakan wasilah pendidikan, baik dalam pendidikan formal seperti di sekolah mahupun pendidikan tidak formal seperti dalam kegiatan kokurikulum. Antara yang teras termasuklah peranan membentuk akhlak.

Seni budaya yang berasaskan kemuliaan budi, kesopanan dan tatasusila dapat membantu pembentukan sahsiah seseorang,

khususnya generasi muda. Puisi seperti pantun, syair, gurindam, teromba, bongai, nazam dan sajak dapat menjadi penghalus akal budi pembaca dan pendengar jika diisi dengan unsur pendidikan.

Demikian juga cerita rakyat, cerpen, novel dan drama dapat menjadi saluran pendidikan apabila dimanfaatkan dengan betul, bukan sekadar sebagai kegiatan seni budaya, apatah lagi yang melanggar tatasusila dan akal budi yang sihat, semata-mata untuk hiburan atau untuk bereksperimen.

Persilatan perlu dijadikan wasilah pendidikan tidak formal yang berkesan dalam pembentukan sahsiah dan akhlak masyarakat, khususnya golongan muda. Dengan perkataan lain, seni budaya dapat menjadi pelengkap pengajaran formal yang berbentuk didaktik seperti dalam kelas, kuliah, ceramah, khutbah dan yang lain.

Berkaitan dengan hal itu, seni budaya perlu dilihat dalam kedua-dua sisi secara sepadu dan seimbang. Kedua-dua sisi itu ialah sisi bentuk dan isi. Lagu,



Silat dapat menjadi medan persefahaman dan perpaduan kebangsaan.

tarian, puisi, drama, sketsa, novel dan cerpen pada zahirnya memang menggambarkan seni atau gaya persembahan. Peranan seni atau gaya persembahan penting sebagai salah satu kaedah penyampaian perutusan atau mesej.

Berjaya atau gagalnya sesuatu perutusan disampaikan sebahagiannya bergantung pada keberkesanan seni atau gaya persembahan menampilkan perutusan itu. Islam turut menitikberatkan aspek keindahan atau estetik, sesuai dengan tabii manusia yang di sisi mempunyai akal fikiran turut mempunyai perasaan. Hadis Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Muslim ada menyebut perihal perhatian Islam kepada aspek estetik, iaitu mafhumnya "Allah indah dan Allah suka akan keindahan".

Maka dalam dunia persilatan, keindahan yang tertampil melalui bunga, buah dan jurus mewakili aspek estetik yang memenuhi keperluan insan. Aspek itu dapat menjadi daya tarik kepada anggota masyarakat untuk menghargai warisan dan budaya bangsa. Kepada warga asing, aspek estetik itu mampu menghimbau mereka menghormati dan mendekati budaya masyarakat kita.

Melalui seni budaya, termasuk persilatan, tamadun Melayu dapat diangkat di peringkat antarabangsa. Demikian pengalaman beberapa orang kenalan dalam mengembangkan seni silat dan unsur lain, seperti sepak takraw, yang telah kian meluas di benua Eropah.

Namun begitu, tidak wajar sekali-kali dikurangkan perhatian kepada sisi isi atau kandungannya.

Malah matlamat utama seni budaya adalah untuk menyampaikan perutusan tentang budi, kesopanan, adat, peraturan, pedoman dan segala aspek positif kehidupan. Pantun atau kisah jenaka pun bukan sekadar jenaka tetapi ada sesuatu yang tersirat untuk dipelajari.

Dalam ucap utama saya pada sambutan Jubli Emas Hari Puisi Nasional di Johor pada tahun 2021,



Persembahan silat meraikan pasangan pengantin.

saya menyebut pentingnya seni dijadikan wasilah "pemanusiaan" manusia. Kedegaran janggal ungkapan itu, namun dengan memperhatikan kian kurangnya nilai kemanusiaan pada manusia, seperti pada peperangan, persengketaan, permusuhan, konflik politik, rasuah, penzaliman dalam bidang sosioekonomi dan pelbagai krisis lain, memang wajar dilakukan rekayasa "pemanusiaan" kepada manusia, dengan salah satunya melalui bidang seni budaya.

CADANGAN PELAN TINDAKAN

Persilatan dan unsur seni budaya lain perlu diangkat dengan merancang strategi yang bersifat

operasional atau tindakan. Bebe cadangan pelan tindakan yang dibincangkan dan dijadikan asa iaitu untuk memastikan intensiti syiar Islam dapat dibudayakan dalam kalangan karyawan dan penggerak seni budaya, diperlu panduan dalam bentuk buku atau media elektronik yang menjadi sandaran para karyawan dan penggiat seni.

Buku panduan itu pertamanya menjelaskan latar belakang sebab-musabab manusia dicipta dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan semasa hidup di dunia. Dalam hal persilatan kaitan ilmu memahami tujuan manusia diciptakan di dunia amat rapat dengan tanggungjawab menjaga keamanan, pertahanan dan kesejahteraan di peringkat diri, keluarga, masyarakat dan negara. Bahagian kedua perlu memberikan panduan melaksanakan kegiatan berkebudayaan dan berseni budaya dalam kerangka yang diredai Allah. Tiada kesalahuraian tentang seni persembahan dan teknik penyampaian, selagi tidak bertentangan dengan ketetapan syariat.

Selain itu, badan ilmu seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi perlu menggubal sukatan kursus yang bersepadu antara seni budaya dengan asas keagamaan. Selanjutnya, kursus teori dan amali perlu dipastikan memenuhkan sukatan kursus tersebut. Penilaian oleh editor atau penerbit perlu berdasarkan penilaian yang holistik yang di sisi mementingkan seni tetap tidak mengabaikan aspek asas agama. Inilah asas pemikiran dan kegiatan seni budaya bagi masyarakat Melayu yang telah lebih satu abad menerima Islam sebagai asas kehidupan.

Dalam pelaksanaan kurikulum, persilatan perlu dimasukkan sebagai satu cabang budaya yang penting supaya dilahirkan warganegara dan golongan masyarakat yang cergas, berdaya dan peka dalam aspek pertahanan dan kemahiran bela diri. Setidak-tidaknya silat dapat digariskan dalam konsep riadah sukan, selain di peringkat budaya yang lebih tinggi dan mendalam.

Di tengah-tengah masyarakat, jawatankuasa penduduk atau pihak perlu memperkenalkan silat sebagai kegiatan kemasyarakatan yang penting, termasuk melalui institusi masjid dan surau kariah. Pengalaman saya bertugas di Republik Rakyat China (RRC) beberapa tahun, seni pertahanan menjadi antara kegiatan sosial yang menarik kehadiran jemaah anggota masyarakat sekitaran. Bilangan imam menjadi guru dan jurulatih. Keadaan dalam masyarakat dahulu yang di setiap kampung mempunyai perguruan silat perlu dihidupkan semula dengan sokongan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Kejohanan silat peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang sedia ada perlu diperluas untuk menarik perhatian warganegara peringkat

Persilatan perlu dijadikan sebagai wasilah pendidikan tidak formal yang berkesan dalam pembentukan sahsiah dan akhlak masyarakat, khasnya golongan muda. Dengan perkataan lain, seni budaya dapat menjadi pelengkap pengajaran formal yang berbentuk didaktik seperti dalam kelas, kuliah, ceramah, khutbah dan yang lain.

kebangsaan dan warga sedunia. Yang berkaitan rapat dengan hal ini ialah pewujudan skim kejurulatihan silat di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara secara profesional, selain secara sukarela yang selama ini menjadi praktiknya. Dalam hal ini, media perlu membantu mempromosikan silat sebagai antara warisan budaya yang penting, baik kepada masyarakat setempat mahupun masyarakat antarabangsa.

Selain itu, program inap desa pelajar asing yang mempunyai program pemindahan kredit

dengan Institut Pengajian Tinggi di negara ini perlu memasukkan silat sebagai satu daripada unsur seni budaya Melayu yang diperkenalkan dalam program satu semester atau satu tahun itu.

Di samping itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Komunikasi serta agensi kerajaan lain seperti FINAS dengan paduan tenaga pihak swasta perlu merancang penerbitan bahan elektronik tentang persilatan, termasuk video langkah dalam penguasaan kemahiran silat, untuk dipasarkan atau diedarkan ke pelbagai institusi sedunia. Pengalaman saya bertugas di RRC menunjukkan bahawa sebahagian kemahiran menari diperoleh oleh para pelajar saya dengan berpandukan video tunjuk cara atau persembahan tarian Melayu secara atas talian.

Demikianlah selayang pandang tentang peranan dan sumbangan silat dalam mewakili etos bangsa Melayu. Sebagai cabang seni budaya tradisi, silat penting dikembangkan secara terancang untuk pengantarabangsaannya, di samping untuk meluasnya di peringkat negara. Selain sebagai satu bentuk riadah dan kemahiran fizikal, khasnya dalam konteks seni bela diri, silat patut dijadikan wasilah pendidikan tidak formal yang dapat membentuk sahsiah dan akhlak masyarakat dan warganegara.

Silat dapat menjadi medan persefahaman dan perpaduan kebangsaan, serta asas jati diri warganegara. Selain itu, usaha mengangkat dan memperluas silat di peringkat antarabangsa dapat mengangkat kearifan setempat tamadun negara kita dan sekali gus menjadi satu daripada sumbangan besar kepada warisan budaya sedunia. DB



Silat dapat membentuk sahsiah dan akhlak generasi muda.